

06/10/2003

## Bali Concord II dimeterai

SEBANYAK lapan dokumen akan ditandatangani pada Sidang Kemuncak Asean ke-9 yang bermula hari ini, enam membabitkan negara anggota dan dua lagi Asean-India dan Asean-China.

Kemuncak sidang kali ini ialah menandatangani Deklarasi Asean Concord II yang dikenali sebagai Bali Concord II oleh semua 10 negara Asean melahirkan Komuniti Asean menjelang 2020.

Ia mempunyai tiga tonggak merangkumi Komuniti Keselamatan Asean, Komuniti Ekonomi Asean dan Komuniti Sosial Budaya Asean.

Mesyuarat pegawai kanan Asean (SOM) yang berakhir Sabtu lalu telah meluluskan sebulat suara Pelan Tindakan Ekonomi Bali bagi menzahirkan Komuniti Ekonomi Asean, manakala Komuniti Keselamatan dan Sosial Budaya akan diterima pada Sidang Kemuncak ke-10 di Laos, tahun depan.

Bali Concord I ditandatangani lima negara pengasas di Bali pada sidang kemuncak pertama pada 1976.

Buat pertama kali dalam sejarah Asean juga, dua negara di luar keluarganya iaitu China dan India menerima menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC).

Perjanjian itu pada asalnya ditandatangani Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand di Bali pada 1976.

Russia yang turut menawarkan menyertai TAC dijangka menandatangani pada Julai tahun ketika mesyuarat menteri Asean di Jakarta. Parlimennya, Duma sudah meluluskan penyertaan Russia, baru-baru ini.

TAC bertujuan mempertingkatkan usaha sama ke arah keamanan, persahabatan dan kerjasama di kalangan negara yang menandatangani.

Ia juga bererti tiada negara yang boleh menggunakan kekuatan tentera atau kekerasan jika berlaku sebarang pertelingkahan antara mereka, tetapi menggunakan saluran rundingan melalui Majlis Tertinggi yang dianggotai wakil semua negara terbabit.

Satu lagi perjanjian penting membabitkan kepentingan Malaysia, Indonesia dan Thailand ialah perjanjian tiga segi untuk membentuk International Rubber Company (IRC).

Mengikut perjanjian itu, sejumlah wang akan diperuntukkan kepada IRC untuk membeli stok getah dari ketiga-tiga negara yang menghasilkan 80 peratus getah dunia sebelum dijual.

Ia sebahagian usaha mengawal lambakan getah di pasaran dan pada masa sama mengawal harga komoditi itu terus menjunam ke paras terendah.

Difahamkan, Thailand akan menyumbang RM7.6 juta (AS\$2 juta), manakala Malaysia dan Indonesia, masing-masing RM3.8 (AS\$1 juta). Majlis menandatangani akan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Megawati Soekarnoputri dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik akan menandatangani bagi pihak Malaysia.

Turut ditandatangani ialah Rangka Kerja Bagi Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Asean-Jepun dan Asean-India serta Deklarasi Bersama Asean-China Mengenai Perkongsian Strategik Untuk Keamanan dan Kemakmuran.

India dan Asean turut menandatangani Deklarasi Bersama Kearah Kerjasama Membanteras Keganasan Antarabangsa.

Selain itu, pemimpin Asean dan rakan dialog mereka iaitu Jepun, China, Korea Selatan dan India dijangka turut menyentuh perkembangan dunia. Antara isu Myanmar, perkembangan terkini di Semenanjung Korea, Palestin,

kegagalan rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico dan kerjasama maritim.